

**LAPORAN AUDIT DALAM 5S/QE BIL.2/2022  
PUSAT PENGAJARAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI (UTLC)**

**1. PENGENALAN**

Amalan 5S ialah satu pendekatan bersistematik amalan penjagaan kebersihan tempat kerja dengan menyusun, membersihkan, membangunkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang produktif. Ia juga adalah program menyeluruh KAIZEN melibatkan semua orang dalam organisasi dan ianya sebagai pendekatan berkesan memotivasikan pekerja, meningkatkan produktiviti dan persekitaran tempat kerja

Program Audit Dalam 5S/QE di UTLC dilaksanakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2022 sebagai satu langkah untuk membudayakan amalan 5S di Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) di samping menambahkan persekitaran kerja di UTLC.

**2. OBJEKTIF**

Objektif Audit Dalam 5S/QE Bil.2/2022 di UTLC adalah:

- 2.1 untuk menyemak dan mengenalpasti sebarang ketidakpatuhan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan memberi cadangan penambahbaikan yang sesuai;
- 2.2 untuk membuat semakan kembali terhadap pemerhatian (penemuan audit) dan juga penambahbaikan daripada sesi audit yang dijalankan sebelum ini.
- 2.3 mengiktiraf usaha warga UTLC melalui Anugerah Inovasi 5S Peringkat UTLC.

**3. JURU AUDIT**

Juru audit ialah Puan Faizah Hashim (572), Timbalan Pengarah IPQ.

**4. PELAKSANAAN AUDIT**

- 4.1 Aktiviti audit kedua telah dilaksanakan pada 15 Ogos 2022 melibatkan keseluruhan lokasi/zon di UTLC, iaitu:

<b>Bil</b>	<b>Zon</b>	<b>Lokasi</b>	<b>PIC</b>
1.	Autumn	Aras Bawah UTLC – Pejabat Pentadbiran	En. Efendy Nayan
2.	Spring	Aras 1 UTLC – Pejabat Timbalan Pengarah, Bilik Mesyuarat dan Creative Learning Lab (CLL)	Pn. Noridayu Mangsor
3.	Winter	Aras 2 UTLC – Future Learning Lab (FLL)	En. Nur Aliyin Yahaya

4.2 Penilaian Audit Dalam 5S/QE ini melibatkan aspek berikut:

Bil.	Aspek Penilaian
1.	Keperluan Utama Pelaksanaan
2.	Ruang Pejabat
3.	Perkhidmatan Kaunter
4.	Tempat Simpanan
5.	Tempat Umum
6.	Kawasan Persekitaran

4.3 Di samping itu, program audit kali kedua ini juga telah menilai dan memilih pemenang untuk Anugerah Inovasi 5S peringkat UTLC.

## 5. KEPUTUSAN

5.1 Laporan audit seperti di Lampiran.

5.2 Markah keseluruhan bagi hasil audit dalaman 5S/QE UTLC ialah **98.2%** iaitu mencapai taraf 5 Bintang. Perincian markah mengikut aspek penilaian seperti berikut:

Bil.	Aspek	Markah	
		Penuh	Diperolehi
1.	Keperluan Utama Perlaksanaan	52	<b>51</b>
2.	Ruang Pejabat	38	<b>38</b>
3.	Perkhidmatan Kaunter	24	<b>24</b>
4.	Tempat Simpanan	16	<b>15</b>
5.	Tempat Umum	46	<b>45</b>
6.	Kawasan Persekitaran	42	<b>41</b>
<b>Jumlah Markah</b>		<b>218</b>	<b>214</b>
<b>Peratusan</b>		<b>100</b>	<b>98.2%</b>

\*skala pemarkahan audit:

- 5 Bintang = 96% - 100%
- 4 Bintang = 86% - 95%
- 3 Bintang = 71% - 85%
- 2 Bintang = 51% - 70%
- 1 Bintang = 26% - 50%

5.3 Berikut ialah komen auditor dan cadangan penambahbaikan:

- i. surat lantikan AJK 5S perlu ada tarikh kuat kuasa dan tempoh lantikan.
- ii. Carta Gantt dan carta organisasi 5S – perlu ada maklumat disediakan oleh (Setiausaha), disemak oleh (Pengerusi 5S), dan disahkan oleh (Pengarah UTLC) beserta tarikh dan tandatangan.
- iii. Bilik Fail:
  - a. Perlu wujudkan masterlist fail untuk memudahkan rujukan, termasuk fail tutup

- b. Perlu ada buku rekod pergerakan fail dan dicadangkan supaya fikirkan satu projek inovasi untuk penambahbaikan di Bilik Fail.
- iv. Tempat simpanan peralatan elektronik seperti laptop, LCD dan lain-lain – dicadangkan supaya sediakan ruang khas untuk setiap item (rumah) dan disertakan dengan rekod pergerakan peralatan seperti kad stok. Perlu wujudkan masterlist untuk peralatan pada pintu almari.
- v. Peti Kunci – perlu sediakan *masterlist* kunci untuk memudahkan rujukan.
- vi. Stor Alat Tulis – item yang rosak/ luput tarikh perlu diasingkan dan dilabel untuk memudahkan proses verifikasi stok.
- vii. Setiap staf perlu ada sekurang – kurangnya 1 produk inovasi/ 1 borang kaizen.

5.4 Terdapat 8 produk inovasi yang dihasilkan oleh staf UTLC seperti berikut:

Bil.	Nama Produk	Pereka
1.	Recycle Project: Pasu Kasut	Kumpulan TRIX - PM Dr Izwan Nizal - Pn. Fadhlina - En. Imran - Pn. Nurassila - Pn. Raihanah - Cik Nuraliyya Balqis
2.	Keychain Key Holder	PM Dr. Sarimah Pn. Shahrini Pn. Noor Nabilah Najwa En. Nabawi En. Nur Aliyin
3.	Carta Pemantauan Pergerakan Staf UTLC	Dr. Adyda Pn. Suhaida Pn. Noridayu En. Efendy
4.	Recycle Project: Bekas Pen/ alat tulis	Kumpulan TRIX - PM Dr Izwan Nizal - Pn. Fadhlina - En. Imran - Pn. Nurassila - Pn. Raihanah - Cik Nuraliyya Balqis
5.	Kitchen Utensil Holder	PM Dr. Sarimah Pn. Shahrini Pn. Noor Nabilah Najwa En. Nabawi En. Nur Aliyin
6.	File Holder from recycle box	Kumpulan TRIX - PM Dr Izwan Nizal - Pn. Fadhlina

Bil.	Nama Produk	Pereka
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- En. Imran</li> <li>- Pn. Nurassila</li> <li>- Pn. Raihanah</li> <li>- Cik Nuraliyya Balqis</li> </ul>
7.	Plastic Bag Holder	PM Dr. Sarimah Pn. Shahrini Pn. Noor Nabilah Najwa En. Nabawi En. Nur Aliyin
8.	Rubber Ban Container	PM Dr. Sarimah Pn. Shahrini Pn. Noor Nabilah Najwa En. Nabawi En. Nur Aliyin

## 6. KESIMPULAN

Keseluruhannya UTLC mengamalkan 5S dengan cemerlang. Staf mempunyai inovasi dan menunjukkan hasil kreativiti melalui pertandingan inovasi yang dianjurkan.

Kesungguhan serta komitmen Pengurusan dan warga kerja di UTLC dalam menjayakan dan menyuburkan amalan 5S ini amat membanggakan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa elemen/aspek yang perlu diperbaiki dan proses penambahbaikan berterusan hendaklah diamalkan oleh warga UTLC. Tahniah!

**DISEDIAKAN OLEH: JAWATANKUASA AUDIT 5S/QE UTLC**  
**TARIKH: 15 OGOS 2022**